



Secara amnya, anda boleh menginsuranskan barangan jualan berkaitan dengan perniagaan anda, perabot, perkakas dipasang dan dilekat, barangan dipegang sebagai amanah atau atas perintah, jentera dan perkakas, reka cipta, corak dan acuan, semua jenis peralatan pejabat di bawah polisi Kecurian ini.

Perlindungan

Polisi ini melindungi anda ke atas kejadian berikut yang berlaku dalam tempoh insurans:

- Kerugian harta benda diinsuranskan yang terkandung di dalam premis yang ditetapkan oleh:
 - 1) kecurian akibat pecah masuk ke dalam premis tersebut atau dilakukan oleh mana-mana orang yang bersembunyi di dalam premis tersebut dengan niat jenayah
 - 2) dalam kes Kediaman Persendirian dan/atau Pangsapuri Kediaman sahaja, telah diambil atau dibawah secara tidak sah dari premis dengan niat jenayah
- Kerosakan bangunan akibat kecurian atau sebarang cubaannya yang mana menjadi tanggungan anda

Jumlah Diinsuranskan

Jumlah Diinsuranskan mewakili jumlah yang dipilih anda untuk menginsuranskan harta benda, sama ada berasaskan dasar Nilai Penuh atau Kerugian Pertama.

- **Dasar Nilai Penuh**
Di mana anda menginsuranskan harta benda anda berasaskan nilai sebenar harta benda tersebut. Dasar ini diambil jika pada pendapat anda berkemungkinan besar keseluruhan harta yang diinsuranskan akan dicuri pada mana-mana satu masa.
- **Dasar Kerugian Pertama**
Di mana anda menginsuranskan kebarangkalian maksimum berlakunya kerugian kecurian pada mana-mana satu masa. Dasar ini digunakan jika pada pendapat anda adalah tidak mungkin keseluruhan harta diinsuranskan akan dicuri pada mana-mana satu masa.

Pengecualian Utama

Anda tidak akan dilindungi ke atas kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh:

- mana-mana orang yang sah di premis atau ahli keluarga anda
- perang dan risiko berkaitannya
- mogok, rusuhan dan kegemparan awam
- penyitaan di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam
- pingat, syiling, manuskrip, corak, model, acuan, reka cipta, bon, bil pertukaran, surat janji, wang, sekuriti untuk wang, setem, semua jenis dokumen atau buku akaun melainkan yang dinyatakan secara khususnya
- jika premis ditinggalkan kosong untuk tempoh melebihi 30 hari berturut-turut atau digunakan selain daripada yang dinyatakan
- secara langsung atau tidak langsung timbul akibat pengionan, radiasi atau pencemaran radioaktif daripada sebarang reaktor nuklear atau sisa nuklear akibat daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear
- tindakan keganasan

Dasar Pembayaran Pampasan

Dasar Pembayaran Pampasan ke atas harta benda diinsuranskan anda boleh dibuat sama ada berdasarkan Nilai Pasaran atau Nilai Penggantian.

- Istilah “**Nilai Pasaran**” bermaksud nilai harta benda diinsuranskan pada masa kerosakan atau kerugian ditolak jumlah haus dan dan lusuh dan/atau susut nilai.
- Istilah “**Nilai Penggantian**” bermaksud kos penggantian atau pengembalian harta benda rosak atau hilang dengan yang sama jenis tetapi tidak melebihi harta benda diinsuranskan ketika ia masih baru. Adalah penting untuk memastikan jumlah diinsuranskan adalah mencukupi untuk menampung jumlah nilai pengembalian, jika tidak, anda akan dianggap perlu menanggung sendiri terhadap perbezaannya dan harus menanggung kadar setimpal ke atas kerugian yang sepatutnya jika berlakunya tuntutan.

Bayaran Premium

- Bayaran premium mestilah dibuat kepada ejen kami atau terus kepada kami dalam tempoh 60 hari dari bermulanya Polisi ini.
- Bayaran boleh dibuat secara tunai, menggunakan kad kredit atau cek (cek mestilah dikeluarkan atas nama **Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad**).
- Pastikan anda diberi resit bagi premium yang dibayar.

- Hubungi kami jika anda masih tidak menerima polisi insurans anda sebulan selepas tarikh belian.

Kewajipan Pendedahan

Anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau harus tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.

Sumbangan

Sekiranya pada masa berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan harta, terdapat mana-mana insurans lain yang diambil oleh anda atau ahli keluarga anda yang memberi perlindungan yang sama, maka kami tidak bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbangkan lebih banyak daripada bahagian kadarannya daripada kerugian atau kerosakan tersebut.

Lebihan

Merupakan jumlah kerugian yang harus ditanggung anda sendiri untuk setiap tuntutan.

APAKAH YANG HARUS ANDA LAKUKAN Jika Berlakunya Kerugian/Kerosakan

Pemberitahuan Tuntutan

Anda mestilah memberitahu kami secara bertulis dengan memberikan butiran penuh mengenai kejadian/kemalangan dengan seberapa segera yang mungkin dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam polisi anda. Pemberitahuan awal hendaklah diberikan bagi mengelakkan sebarang prejudis terhadap tuntutan anda. Buat laporan polis dengan segera.

Pengemukakan Tuntutan

Anda mestilah mengemukakan tuntutan anda kepada kami bersama semua maklumat dan dokumen sokongan sebagaimana yang diminta dengan seberapa segera yang mungkin. Jika ajuster/penyiasat dilantik oleh kami, anda mestilah memberi kerjasama sepenuhnya kepada mereka dalam menaksir tuntutan anda.

Kewajipan Pendedahan Maklumat Tuntutan

Anda mestilah memberi jawapan yang benar dalam Borang Tuntutan kerana apa-apa salah nyata atau penyembunyian fakta akan menjejaskan tuntutan anda.

BAGAIMANA CARA UNTUK MEMBUAT Aduan dan Saluran Penyelesaian Yang Tersedia



Tulis kepada :

1. Pusat Hubungan Bersepadu Bank Negara Malaysia melalui bnmtelelink@bnm.gov.my, atau
2. pengantara insurans Ombudsman Perkhidmatan Kewangan.

Sebagai alternatif, anda boleh melawat terus ke kaunter BNMLINK untuk menfailkan aduan anda (sila rujuk kepada www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm) atau anda boleh membawa kes anda ke mahkamah.

Untuk maklumat lebih terperinci mengenai Tokio Marine, produk dan perkhidmatan kami, sila layari laman web kami www.tokiomarine.com.

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.